

PENDEKATAN QIRĀ'AH MUBĀDALAH TERHADAP AYAT- AYAT BERKAITAN EMANSIPASI WANITA: ANALISIS KARYA DR. FAQIHUDDIN ABDUL KODIR BERJUDUL 'PEREMPUAN (BUKAN) SUMBER FITNAH'

QIRĀ'AH MUBĀDALAH'S APPROACH TO WOMEN'S EMANCIPATION: AN ANALYSIS OF DR. FAQIHUDDIN ABDUL KODIR'S WORK ENTITLED 'PEREMPUAN BUKAN SUMBER FITNAH'

Muhamad Alihanafiah Norasid¹
Mohd.Sobri bin Ellias²
Mohd Manawi Mohd Akib³
Sitinorkhadijah Binti Abdullah Sani⁴

¹Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), Malaysia,
(E-mail: imtiaz_alhuffaz@um.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: sobri.ellias@usim.edu.my)
(Corresponding author)

³Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),
Malaysia, (E-mail: manawi@ukm.edu.my)

⁴Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), Malaysia,
(E-mail: sitinorkhadijah4@gmail.com)

Article history

Received date : 9-5-2024
Revised date : 15-5-2024
Accepted date : 27-6-2024
Published date : 31-7-2024

To cite this document:

Norasid, M. A., Ellias, M. S., Mohd Akib, M. M., & Abdullah Sani, S. (2024). Pendekatan Qirā'ah Mubādalah terhadap ayat-ayat berkaitan emansipasi wanita: Analisis karya dr. Faqihuddin Abdul Kodir berjudul 'Perempuan (bukan) sumber fitnah'. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (64), 64 – 79.

Abstrak: Perjuangan hak asasi wanita sering digembar-gemburkan oleh pihak berhaluan feminisme dan pro-kebebasan wanita sehingga membawa kepada salah faham terhadap kefahaman ayat suci al-Quran. Bahkan perjuangan emansipasi wanita ini telah berjaya ditonjolkan oleh beberapa ilmuwan dalam usaha memberi hak dan keadilan wanita menurut versi feminis menerusi karya mereka. Kajian ini bertujuan meneliti pentafsiran ayat al-Quran berkaitan emansipasi wanita yang terdapat dalam karya Perempuan Bukan Sumber Fitnah yang dikarang oleh Dr Faqihuddin Abdul Kodir dengan menggunakan pendekatan Qirā'ah Mubādalah. Penelitian terhadap tafsiran ayat al-Quran berkaitan emansipasi wanita ini wajar dirungkai berasaskan kerangka pentafsiran ulama' muktabar. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan analisis diskriptif berdasarkan sorotan literatur daripada pelbagai artikel yang telah melalui proses semakan untuk tujuan penerbitan. Hasil dapatan umum mendapati bahawa metode mubādalah tidak boleh digunakan pada keseluruhan ayat berkaitan emansipasi wanita, namun boleh digunapakai pada ayat-ayat tertentu sahaja berkaitan emansipasi wanita. Walaubagaimanapun, bagi sesetengah ayat berkaitan

emansipasi wanita, pentafsiran yang terbina berasaskan metode mubādalah didapati selari dengan pentafsiran ulama' muktabar.

Kata Kunci: *Qira'ah Mubadalah, Emansipasi Wanita, Analisis, Versi Feminis*

Abstract: *Women's human rights struggles are often promoted by feminist and pro-women's freedom groups, which can lead to misunderstandings regarding the interpretation of Quranic verses. However, several scholars have successfully emphasized the struggle for women's emancipation, aiming to provide women's rights and justice from a feminist perspective through their works. This study seeks to analyze the interpretation of Quranic verses related to women's emancipation in the book *Perempuan Bukan Sumber Fitnah* by Dr. Faqihuddin Abdul Kodir, using the *Qirā'ah Mubādalah* approach. The interpretation of Quranic verses related to women's emancipation should be analyzed within the framework established by the prominent scholars. This qualitative study utilizes descriptive analysis, drawing on literature reviews from various articles that have undergone the publication review process. The general findings indicate that the *mubādalah* method is not universally applicable to all sentences related to women's emancipation but can be applied to specific ones. However, for some verses, interpretations based on the *mubādalah* method align with those of the prominent scholars.*

Keywords: *Qira'ah Mubadalah, Women's Emancipation, Analysis, Feminist Perspective*

Pengenalan

Dewasa ini, wanita sering dijadikan mangsa keganasan dan alat penindasan tidak kira bangsa, agama, kelas dan budaya. Keganasan merupakan suatu bentuk penyalahgunaan kuasa yang sering berlaku apabila seorang pasangan cuba untuk mengawal atau mendominasi pasangannya. Keganasan terhadap wanita juga boleh diertikan sebagai apa-apa tindakan keganasan yang berdasarkan *gender* yang dilihat boleh mengakibatkan kecederaan fizikal, seks atau psikologi atau mengakibatkan penderitaan kepada wanita. Tindakan ini juga meliputi ugutan untuk melakukan suatu perkara, paksaan atau perbuatan menyekat kebebasan, sama ada berlaku dalam kehidupan persendirian atau awam.

Sehubungan dengan itu, pada era ini kes-kes keganasan terhadap wanita semakin membimbangkan seperti kes rogol, gangguan seksual, keganasan rumah tangga, penderaan dan lain-lain. Keganasan ini mengakibatkan kecederaan bukan hanya pada fizikal dan mental mangsa tetapi ia juga boleh membawa kepada kematian. Maka seiring dengan isu keganasan ini, entiti dan gerakan yang disebut sebagai Gerakan Emansipasi Wanita mula bergiat aktif di media sosial dan berani menonjolkan diri bagi menghapuskan pihak yang melakukan diskriminasi dan menegakkan keadilan untuk kaum wanita. Gerakan ini juga boleh disebut sebagai entiti yang memperjuangkan *Qirā'ah Mubādalah*.

Justeru, terdapat pengkaji yang cuba untuk memberikan suatu sisi pandang yang lebih luas terhadap hak-hak wanita menerusi pentafsiran terhadap beberapa ayat al-Quran agar Islam itu tidak digambarkan sebagai suatu agama yang menzalimi wanita. Namun persoalannya pendekatan yang dilakukan oleh pengkaji tersebut telah melalui suatu proses yang dipanggil sebagai *qirā'ah mubādalah* dan mencetuskan persoalan sama ada ia selari dengan tafsiran ulama' ataupun sebaliknya. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada metode *qirā'ah mubādalah* terhadap ayat-ayat berkaitan emansipasi wanita dan analisis terhadap karya *Perempuan Bukan (Sumber) Fitnah* yang dikarang oleh Dr Faqihuddin Abdul Kodir. Signifikan

kajian ini adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai setakat mana metode qirā'ah mubādalah ini selari dengan kaedah pentafsiran para ulama muktabar.

Qira'ah Mubadalah Suatu Pengenalan

Qirā'ah Mubādalah berasal dari bahasa Arab, *qirā'ah* yang bererti bacaan (Abd bin Nuh & Oemar Bakry, 1991). Manakala kata mubādalah berasal daripada suku kata “*ba-da-la*” (ب - د - ل) yang bererti mengganti, mengubah atau menukar. Kata dasar tersebut telah digunakan sebanyak 44 kali di dalam al-Quran dalam pelbagai bentuk kata dengan makna yang berkaitan. Sementara kata mubādalah merupakan bentuk kesalingan (*muf'alah*) dan kerjasama antara dua pihak (*musharakah*) untuk makna tersebut (Ahmad al-Hamlawi, 2009) yang membawa maksud saling mengganti, saling mengubah atau saling bertukar satu sama lain (Ibn Manzur, 1414).

Dalam kamus klasik *lisān al-Arab* karangan Ibnu Manzur, begitu juga kamus moden seperti *al-Mu'jam al-Wasīth*, kata *mubādalah* ditakrifkan sebagai pertukaran yang bersifat timbal balik antara dua pihak. Kata “*bādala-yubādilu-mubādalatan*” digunakan dalam ungkapan ketika seseorang mengambil sesuatu dari orang lain dan menggantikannya dengan sesuatu yang lain. Malah perkataan ini juga sering digunakan dalam pertukaran, perdagangan, dan aktiviti perniagaan (Ibn Manzur, 1414).

Menurut Ulfah Zakiyah (2020), Qirā'ah Mubādalah adalah suatu metode bagaimana untuk menyapa, menyebut, mengajak lelaki dan wanita dalam suatu teks yang hanya menyebut salah satu jantina sahaja dengan cara memahami gagasan utama atau makna besar yang terkandung dan boleh diaplikasikan oleh kedua-duanya (lelaki dan wanita) dalam sesuatu teks. Dengan ini, bukan hanya lelaki atau wanita sahaja, namun kedua-duanya boleh menjadi subjek atau pelaku di dalam teks tersebut.

Manakala di sisi Dr. Faqihuddin Abdul Kodir (DFAK), Qirā'ah Mubādalah bertujuan untuk mengimbangi hubungan yang sedia ada antara lelaki dan perempuan dengan melaksanakan pola penambahbaikan daripada hubungan hierarki seperti yang dilihat dewasa ini ke arah hubungan egalitarian (layanan sama-rata), sehingga diharapkan tidak ada lagi bentuk penyanjungan lelaki sehingga perempuan direndahkan mahupun sebaliknya. Hal ini dilakukan setelah meninjau pada ketidfakseimbangan dalam perhubungan sesama manusia yang akan mengakibatkan kerugian salah satu pihak di mana haknya sebagai sesama makhluk Allah swt terancam kerana adanya *bias gender* dalam kehidupan yang sebenarnya bukan sahaja merugikan salah satu pihak namun boleh merugikan pihak yang lain (Hakim, Lukman, 2020).

Selain itu, perspektif dan metode mubādalah menurut DFAK merupakan perspektif kesalingan atau timbal balik dalam mentafsir isu-isu yang berkait dengan keadilan *gender* dalam Islam berdasarkan teks-teks sumber dan tradisi keilmuan Islam. Menurut DFAK, mubādalah bukan untuk meletakkan perempuan sentiasa berasa dalam keadaan yang betul atau mengangkat perempuan untuk menyalahkan, menyudutkan, mahupun merendahkan lelaki. Namun, ia lebih menekankan kepada kesedaran bahawa dunia ini terlalu sempit jika hanya didekati dari sudut perspektif lelaki, sebaliknya kedua-duanya mesti dilihat dari sudut perspektif kesalingan. Di mana hubungan antara kedua-duanya mestilah benar-benar mempunyai hubungan perkongsian, bekerjasama, saling menguatkan, melengkapi, menyokong, dan menolong satu sama lain.

Ayat-ayat Emansipasi Wanita Yang Terkandung Dalam Buku Perempuan (Bukan) Sumber Fitnah

Buku Perempuan (Bukan) Sumber Fitnah antara lain turut membahas isu emansipasi wanita bagi menegakkan hak wanita pada masa kini agar mereka tidak ditindas dengan sewenang-wenangnya. Berdasarkan isu-isu emansipasi wanita yang diperolehi dalam buku Perempuan (Bukan) Sumber Fitnah, penulis dapat membahagikan kandungan buku ini kepada beberapa tema iaitu jati diri wanita, penyertaan wanita di ruang awam dan hubungan pasangan suami isteri. Di antara ayat-ayat al-Quran yang termasuk dalam perbincangan *qira'ah mubadalah* ialah:

BIL	SURAH	AYAT
1	Al-Baqarah	30, 187, 229
2	Ali Imran	195
3	An-Nisaa'	1, 3, 19, 23, 24, 128, 129, 130
4	Al-An'am	53,165
5	Al-Anfal	72
6	At-Taubah	71, 91
7	Yunus	14
8	Hud	61
9	Al-Furqan	20
10	Al-Rum	21
11	Al-Ahzab	71, 13

Kesemua ayat di atas telah ditemakan kepada tiga buah tema yang tersendiri.

Jati Diri Wanita

Dalam Islam, proses penciptaan lelaki dan wanita tidak dibezakan. Semua ayat al-Quran mengenai penciptaan manusia menegaskan asal usul yang sama, dari unsur air sebagaimana yang disebutkan di dalam surah al-Anbiya':

أَوْ لَمْ يَرَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ

Terjemahan : Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?

(Al-Anbiya' (21):3)

Justeru itu, menurut DFAK persamaan hakikat (*nafs wāhidah*) dalam surah an-Nisā' ayat 1 bermaksud penciptaan manusia bukanlah merujuk kepada Nabi Adam a.s dan Siti Hawa (Kodir, Faqihuddin Abdul 2021):

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ۝١

Terjemahan : Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang

membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

(An-Nisā' (4):1)

Kebanyakan ulama tafsir klasik seperti Mujāhid, Qatādah dan as-Suddi mentafsirkan perkataan “*nafsin wāhidah*” sebagai Nabi Adam a.s dan perkataan “*zawjaha*” sebagai Siti Hawa. Manakala perkataan “*min ha*” bermaksud dicipta daripadanya (Nabi Adam). Kemudian tafsirnya ialah “bahawa Allah menciptakan kamu sekalian daripada Adam, kemudian menciptakan daripadanya (Adam) pasangan yang bernama Hawa”. Tafsiran ini menjadi pegangan majoriti umat Islam sepanjang sejarah peradaban sehingga kini.

Hubungan Perkahwinan Adalah Berpasangan

Bagi istilah suami isteri, al-Quran menggunakan perkataan “*zawj*” yang bermaksud pasangan. Ini bermakna isteri adalah pasangan (*zawj*) kepada suaminya dan suami adalah pasangan (*zawj*) kepada isterinya.

Menurut penelitian Fuad Abdul Baqi dalam kitab *Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfazh al-Qur'an*, terdapat 17 tempat perkataan “*zawj*” disebut dalam al-Quran. 7 tempat tanpa imbuhan kata ganti nama (زوج), 4 tempat dengan imbuhan kata ganti orang kedua lelaki (زوجك), 2 tempat dengan imbuhan kata ganti orang ketiga lelaki tunggal (زوجه) dan 4 tempat dengan imbuhan kata ganti orang ketiga perempuan tunggal (زوجها). Di semua tempat ini, perkataan “*zawj*” bermaksud jodoh. Maka, jika diimbuhi dengan imbuhan *dhakar* ia bermaksud isteri, dan jika diimbuhi dengan imbuhan *untha* pula bermaksud suami. Jika neutral, maka ia akan kembali kepada maksud asal iaitu pasangan contoh kalimah “*zawj*” tanpa imbuhan adalah pada surah al - Hajj (22):5 ; surah ash – Syu'arā' (26):7 ; surah Luqman (31):10 dan surah Qāf (50):7.

أَجَلٌ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفْتُ إِلَى نِسَائِكُمْ هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ هُنَّ

Terjemahan : Dihalalkan bagi kamu, pada malam hari puasa, bercampur (bersetubuh) dengan isteri-isteri kamu. Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka.

(Al-Baqarah (2):187)

Dalam ayat ini, dinyatakan bahawa “mereka (para isteri) adalah pakaian bagi kalian dan kalian adalah pakaian bagi mereka (para isteri).” Terjemahan ini (mereka) sudah tentu adalah makna literal dari ayat al-Quran yang menggunakan struktur lelaki (*mudhakar*) dan merujuk kepada lelaki. Namun, jika ditafsirkan dari sudut mubadalah terjemahannya ialah “isteri adalah pakaian suami dan suami adalah pakaian isteri”.

Perkara yang sama mengenai kewajipan berpuasa dalam ayat tersebut, tidak hanya berlaku kepada lelaki, tetapi juga kepada wanita. Syariat i'tikaf di masjid juga disyariatkan bagi lelaki dan wanita dan mereka dilarang melakukan hubungan intim ketika melakukan i'tikaf. Begitu juga dengan perihal hak kenikmatan seksual dari pasangan yang ditegaskan di awal ayat, seorang wanita mempunyai hak terhadap suaminya, sebagaimana lelaki mempunyai hak ke atas isterinya (Kodir, Faqihuddin Abdul 2019).

Bergaul Dengan Baik (*Mu'āsyarah Bil Ma'rūf*)

Sikap ini merupakan etika yang paling asas dalam perhubungan suami isteri. Kebaikan harus dihadirkan dan pada masa yang sama dirasai oleh kedua-dua pihak. Allah berfirman :

وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا
١٩

Terjemahan : Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu)

.(An-Nisā' (4):19)

Secara sosial, lelaki yang menggunakan kuasa veto kebiasaannya memaksa wanita, memiliki tubuh, menghalang dan mengambil harta mereka. Ayat ini mengajak para lelaki, sebagai orang yang beriman untuk meninggalkan tabiat buruk. Ini kerana, ia merupakan tabiat zaman jahiliah namun masih berlaku sehingga hari ini. Ayat tersebut mengkehendaki mereka membiasakan diri dengan akhlak yang baik terhadap wanita (isteri). Dalam perspektif mubādalah, intipati ayat ini juga berlaku ke atas wanita. Wanita dilarang melakukan pemaksaan, menghalangi, dan merampas harta lelaki. Begitu juga wanita dituntut untuk berakhlak baik terhadap lelaki (suami) (Kodir, Faqihuddin Abdul 2019).

Bermusyawarah Dan Bertukar Pendapat

Sikap dan tingkah laku untuk selalu bermusyawarah dan bertukar pendapat dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan kehidupan rumah tangga amat penting dalam perhubungan. Firman Allah :

فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مِّنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرْضِعُوا أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا آتَيْتُم بِالْمَعْرُوفِ وَأَتَقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ
٢٣٣

Terjemahan : Kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan

.(al-Baqarah (2):233)

وَإِنْ كُنَّ أُولَاتٍ حَمَلٌ فَأَنْفِقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّىٰ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَآتوهنَّ أُجُورَهُنَّ وَأَنْتُمْرُوا بَيْنَكُمْ بِمَعْرُوفٍ وَإِنْ تَعَاسَرْتُمْ فَسَرِّضْ لَهُ الْآخَرَىٰ ٦

Terjemahan : Dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya; kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; dan berundinglah di antara kamu (dalam hal menyusunya) dengan

cara yang baik. Dan (sebaliknya) jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya.

(at-Talaq (65):6)

Kedua-dua ayat di atas membicarakan tentang kepentingan bermusyawarah antara suami isteri atau ayah dan ibu. Isu cerai susu anak hanya sebagai contoh yang menunjukkan dalam urusan rumah tangga perlu membincangkan apa-apa isu bersama antara suami isteri. Berkomunikasi dengan pasangan merupakan satu bentuk pengiktirafan dan penghargaan terhadap kemampuan diri dan diri sendiri. Selain itu, jika kita melihat suatu masalah berdasarkan perspektif dua pihak, keputusan yang terbaik dapat dicapai dan kesepakatan turut terealisasi (Kodir, Faqihuddin Abdul 2019).

Analisis Metodologi Pentafsiran Dr. Faqihuddin Abdul Kodir Dalam Buku Perempuan (Bukan) Sumber Fitnah

Jati Diri Wanita

Dalam Islam, pembincangan mengenai penciptaan manusia khususnya wanita masih belum dijelaskan secara terperinci dalam al-Quran. Perkataan Hawa, istilah yang digunakan sebagai wanita, tidak pernah ditemui dalam al-Quran (Riffat Hasan 1990). Satu-satunya ayat yang mengisyaratkan asal usul kejadian wanita ialah dalam surah an-Nisā' ayat 1, tetapi ayat ini masih terbuka untuk dibincangkan dan dibahas kerana ayat tersebut menggunakan perkataan bersayap.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ۝١

Terjemahan : Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

(An-Nisā' (4):1)

Majoriti ulama' memahami kalimah *نَفْسٍ وَاحِدَةٍ* dengan pengertian Nabi Adam a.s dan ada yang memahaminya dengan pengertian jenis manusia lelaki dan wanita. Syeikh Muhammad Abduh, al-Qasimi dan beberapa ulama kontemporari lain memahami bahawa ayat ini sama dengan firman Allah dalam surah al-Hujurat ayat 13.

Menurut M. Quraish Shihab, surah al-Hujurat ayat 13 memang membicarakan tentang asal usul manusia adalah sama iaitu dari seorang bapa dan ibu, iaitu sperma dan ovum, namun yang ditekankan adalah persamaan fitrah kemanusiaan. Walaupun berbeza bapa dan ibunya, tetapi unsur dan proses kejadian mereka adalah sama, tidak wajar seseorang itu menghina atau merendahkan orang lain. Adapun surah an-Nisā' ayat 1 ini, walaupun menjelaskan kesatuan dan persamaan individu dari sudut fitrah kemanusiaan, namun konteksnya menerangkan berkembang biaknya mereka daripada seorang bapa iaitu Adam dan seorang ibu iaitu Hawa. Ini difahami daripada pernyataan *وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا* dan ini sudah tentu sepadan dengan perkataan *مِنْ*

وَاحِدَةٍ difahami dalam erti kata bapa manusia sepenuhnya ialah Nabi Adam a.s dan pasangannya Siti Hawa, maka lahir lelaki dan wanita yang banyak (M. Quraish Shihab, 2006).

Sebagaimana yang disebut oleh DFAK dalam bukunya, makna yang jelas, ayat ini menunjukkan bahawa Nabi Adam a.s, Siti Hawa, lelaki mahupun wanita kesemuanya, Allah ciptakan dari unsur yang sama yakni air dan tanah, dari sudut sainsnya ialah melalui proses pembiakan biologi yang jelas sama. Surah an-Nisā' ayat 1 ini tidak lebih daripada menceritakan tentang fakta berpasangan, bukan tentang siapa yang dicipta daripada siapa atau siapa yang diciptakan terlebih dahulu (Kodir, Faqihuddin Abdul, 2019).

Ia bertepatan dengan kata-kata Imam ar-Razi dalam Tafsir *Mafatih al-Ghaib* dan al-Alusi dalam *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Quran al-azim wa as-Sab'u al-Mathani* mengatakan perkataan “*nafsin wāhidah*” bermaksud satu intipati iaitu tanah. Manakala makna “*min-ha*” bermaksud dari jenis yang sama dengan intipati tersebut sehingga tafsiran ayat tersebut menjadi : “bahawa Allah menciptakan kamu semua dari satu intipati (iaitu unsur tanah) dan menciptakan dari jenis yang sama dengannya (intipati tersebut) pasangannya. Maka ayat ini hanya menekankan soal hidup berpasangan dalam intipati penciptaan manusia, keduanya tercipta dari unsur tanah.

Namun, terdapat juga pendapat ulama tafsir dahulu yang memahami bahawa Siti Hawa diciptakan daripada Nabi Adam a.s sendiri. Pandangan ini kemudiannya melahirkan pandangan negatif terhadap wanita dengan menyatakan wanita adalah sebahagian daripada lelaki. Ramai pentafsir menyatakan bahawa Siti Hawa diciptakan daripada rusuk kiri Nabi Adam a.s yang bengkok dan disebabkan itu al-Qurtubi menulis dalam tafsirnya bahawa wanita bersifat '*awja*' (bengkok) (Dede Wahyuddin, 2020). Pandangan ini dikuatkan dengan hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah ra, bahawa Nabi ﷺ bersabda:

اسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا، فَإِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلَعٍ، وَإِنَّ أَعْوَجَ شَيْءٍ فِي الصِّلَعِ أَعْلَاهُ، فَإِنْ
ذَهَبَتْ تُقِيمُهُ كَسْرَتَهُ، وَإِنْ تَرَكَتَهُ لَمْ يَزَلْ أَعْوَجَ، فَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا

Terjemahan : “Nasihatilah para wanita kerana wanita diciptakan daripada tulang rusuk yang bengkok dan yang paling bengkok daripada tulang rusuk itu adalah pangkalnya, jika kamu cuba untuk meluruskannya maka ia akan patah, namun bilamana kamu biarkan ia maka ia akan tetap bengkok, untuk itu, nasihatilah para wanita”

(al-Bukhari, 2001).

Berdasarkan hadith ini, yang dimaksudkan dengan wanita itu diciptakan daripada tulang rusuk ialah asal penciptaan wanita adalah bengkok dan wanita tidak menerima pembetulan sebagaimana tulang rusuk juga tidak menerima pelurusan. Maka dengan itu, setiap kali kamu ingin membetulkannya maka ia akan patah. Ini adalah perumpamaan bagi talak iaitu jika kamu ingin daripadanya untuk meluruskan apa yang tidak lurus itu maka ia akan membawa kepada perpisahan (al-'Asqalani, Ahmad Ibn Hajar, 1993).

Selain itu, terdapat hadith lain yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah RA, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلْعٍ، لَنْ تَسْتَقِيمَ لَكَ عَلَى طَرِيقَةٍ، فَإِنَّ اسْتَمْتَعْتَ بِهَا اسْتَمْتَعْتَ بِهَا وَبِهَا عَوَجٌ،
وَإِنْ ذَهَبَتْ تَقِيمُهَا كَسْرُهَا، وَكَسْرُهَا طَلَاقُهَا

Terjemahan: “Sesungguhnya wanita diciptakan dari tulang rusuk dan tidak dapat kamu luruskan dengan cara bagaimanapun, jika kamu hendak bersenang-senang dengannya, kamu dapat bersenang-senang dengannya dan dia tetap saja bengkok, namun jika kamu berusaha meluruskannya, nescaya dia akan patah dan mematahkannya adalah menceraikannya”

(Muslim, 1991).

Padanya terdapat dalil atau tanda apa yang dikatakan oleh fuqaha’ atau sebahagian daripada mereka bahawa Siti Hawa diciptakan daripada tulang rusuk Nabi Adam a.s sebagaimana firman Allah swt bahawa Allah swt menciptakan manusia daripada diri yang satu dan daripada diri itu Allah swt ciptakan pasangannya. Selain itu, Nabi ﷺ menjelaskan bahawa Siti Hawa diciptakan daripada tulang rusuk. Di dalam hadith ini, dianjurkan agar berkelakuan baik dan lembut dengan wanita serta sabar di atas sikapnya yang bengkok dan juga kelemahan akalinya. Selain itu, dikeji mentalaknya tanpa sebab dan dalam keadaan dia (suami) tidak ingin membetulkannya (isteri) (Umar Mukhtar Mohd Noor, 2023).

Para ulama’ telah berselisih pendapat dalam memahami makna ayat dan hadith Nabi ﷺ ini. Antaranya ialah:

Pertama: Sebahagian ahli tafsir dan ahli hadith berpendapat bahawa hakikat penciptaan wanita itu adalah daripada tulang rusuk dan ia bukanlah perumpamaan sebagaimana yang dinyatakan oleh sebahagian ulama’ yang lain. Antaranya hujah yang mengatakan bahawa wanita ini diciptakan daripada tulang rusuk ialah, berdasarkan firman Allah SWT:

خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا... ٦

Terjemahan : “Dia (Allah) menciptakan kamu daripada diri yang satu (Adam), kemudian Ia menjadikan daripadanya isterinya (Hawa)”.

(Az-Zumar (39):6)

Menurut Ibn Kathir, tafsiran terhadap ayat ini adalah: “Maksud Allah swt telah menciptakan kamu daripada diri yang satu ialah Allah SWT menciptakan kamu dalam keadaan berbeza jenis, golongan, lidah (bahasa), warna daripada diri yang satu iaitu Adam a.s. Kemudian di jadikan daripadanya Hawa sebagaimana firman Allah swt:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا
كَثِيرًا وَنِسَاءً

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) daripada diri yang satu (Adam), dan yang dijadikan daripadanya (Adam) itu pasangannya (isterinya Hawa), dan juga yang membiakkan daripada keduanya – (zuriat keturunan) - lelaki dan perempuan yang ramai” (Ibn Kathir 2003).

(al-Nisā’ (4):1)

Kedua: Wanita diciptakan daripada tulang rusuk adalah sekadar perumpamaan dan ia bukannya menunjukkan akan hakikat penciptaan wanita. Menurut Sayyid Muhammad Rasyid Ridha, pendapat yang mengatakan kelahiran Siti Hawa daripada tulang rusuk Nabi Adam a.s timbul daripada apa yang terkandung dalam Perjanjian Lama (Kejadian II: 21-22) yang menyatakan bahawa ketika Nabi Adam a.s tidur, Allah mengambil sebilah tulang rusuknya, lalu tempat itu ditutup dengan daging. Maka, dari tulang yang telah dikeluarkan daripada Nabi Adam a.s, Allah menjadikan seorang wanita.

Manakala, al-Hāfiẓ Ibnu Hājar dan Imam al-Qurṭubi ketika mensyarahkan hadith ini mengatakan wanita diciptakan daripada tulang rusuk adalah sekadar perumpamaan. Selain itu, kebanyakan ulama' kontemporari juga memilih pendapat ini. Begitu juga, ia tidak bermaksud bahawa wanita ini diciptakan daripada tulang rusuk Adam sebagaimana yang didakwa oleh sebahagian manusia dan dakwaan tersebut tidak ada dinyatakan di dalam sunnah (hadith) yang sahih".

Berdasarkan apa yang telah dinyatakan dan dibahaskan oleh para ulama', pengkaji lebih cenderung kepada pendapat yang kedua yang menyatakan bahawa maksud Siti Hawa daripada Nabi Adam a.s tersebut adalah sekadar perumpamaan dan bukannya wanita itu diciptakan daripada tulang rusuk. Hal ini dilihat serupa dengan metode mubādalah, menurut DFAK, tafsiran "penciptaan wanita dan lelaki dari intipati yang sama" dalam surah an – Nisā' ayat 1 sebenarnya telah jelas, nyata dan boleh dilihat. Hal ini kerana, di dalam surah az-Zumar ayat 6 juga turut mengatakan manusia daripada jenis yang sama dan bukannya asal penciptaan wanita itu daripada lelaki, bahkan manusia itu lahir dan tercipta daripada lelaki dan Wanita (Muhammad Abduh, 2017).

Tambahan pula, tidak dinafikan bahawa perwatakan wanita itu amat berbeza dengan lelaki sehingga diumpamakan mereka ini seperti tulang rusuk. Di dalam hadith juga;

اسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا، فَإِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ صِلَعٍ، وَإِنَّ أَعْوَجَ شَيْءٍ فِي الصِّلَعِ أَعْلَاهُ، فَإِنْ
ذَهَبَتْ تَقِيمُهُ كَسَرَتْهُ، وَإِنْ تَرَكَتَهُ لَمْ يَزَلْ أَعْوَجَ، فَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا

Terjemahan : "Nasihatilah para wanita kerana wanita diciptakan daripada tulang rusuk yang bengkok dan yang paling bengkok daripada tulang rusuk itu adalah pangkalnya, jika kamu cuba untuk meluruskannya maka ia akan patah, namun bilamana kamu biarkan ia maka ia akan tetap bengkok, untuk itu, nasihatilah para wanita"

(al-Bukhari, 2001).

Nabi ﷺ memulakan dengan "Nasihatilah para wanita (dengan baik)" dan di dalam hadith ini juga tidak disebut daripada tulang rusuk Adam. Maka lelaki dituntut untuk sentiasa berlaku baik, lemah-lembut serta sabar dengan wanita dalam apa jua keadaan. Tambahan pula, wanita ini adalah ciptaan Allah swt yang istimewa untuk kaum lelaki yang perlu dijaga akan kehormatannya dan memandunya ke arah mentaati Allah swt dan melaksanakan segala syariat-Nya. Selain itu, kekuatan lelaki diperlukan oleh wanita dan kelembutan wanita didambakan oleh lelaki. Jarum mestilah lebih kuat daripada kain, dan kain mestilah lebih lembut daripada jarum. Jika tidak, jarum tidak akan berfungsi, dan kain tidak akan dijahit. Dengan berpasangan, akan tercipta pakaian yang cantik, serasi dan selesa.

Hubungan Pasangan Suami Isteri

Menurut DFAK, dalam perhubungan suami isteri perlu mengamalkan 5 rukun tonggak kehidupan rumah tangga agar visi dan matlamat berkeluarga mudah dicapai dan dirasai bersama.

Persetujuan Kedua-Dua Pihak Dan Komitmen Bersama

وَكَيْفَ تَأْخُذُونَهُ وَقَدْ أَفْضَىٰ بَعْضُكُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ وَأَخَذْنَ مِنْكُمْ مِيثَاقًا غَلِيظًا ٢١

Terjemahan : Dan bagaimana kamu tergamak mengambil balik pemberian itu padahal kasih mesra kamu telah terjalin antara satu dengan yang lain, dan mereka pula (isteri-isteri kamu itu) telahpun mengambil perjanjian yang kuat daripada kamu?.

(al-Nisā' (4):21)

Menurut DFAK (Kodir, Faqihuddin Abdul 2021), ayat ini merupakan lanjutan ayat sebelumnya, yang membahas 'illat atau alasan larangan bagi suami mengambil mahar yang telah diberikan kepada isterinya, ketika ia berkeinginan menikahi wanita lain. Al-Quran mengingkari perbuatan suami tersebut sebagaimana dalam frasa ayat:

وَكَيْفَ تَأْخُذُونَهُ وَقَدْ أَفْضَىٰ بَعْضُكُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ

Terjemahan : Dan bagaimana kamu tergamak mengambil balik pemberian itu padahal kasih mesra kamu telah terjalin antara satu dengan yang lain.

Syeikh Nawāwī al-Bantāni mentafsirkan, bagaimana seorang suami boleh mengambil kembali mas kahwin sedangkan dia dan isterinya telah berkumpul dalam satu kain. Isteri telah menyerahkan dirinya dan melayani suaminya serta terdapat kasih sayang yang sempurna antara mereka. Maka tidak wajar seorang suami yang berakal mengambil kembali mas kahwin yang telah diberikan kepada isterinya (al-Bantani, Muhammad Nawawi, 2006).

Kemudian pada akhir ayat, dinyatakan bahawa tidak wajar suami mengambil semula mahar kerana sudah ada perjanjian yang sangat kuat antara suami isteri, yang ditekankan dalam frasa ayat tersebut:

وَأَخَذْنَ مِنْكُمْ مِيثَاقًا غَلِيظًا

Terjemahan : Isteri-isteri kamu itu telah pun mengambil perjanjian yang kuat daripada kamu?

Menurut DFAK, ayat ini mengingatkan bahawa wanita (isteri) telah mendapat perjanjian yang teguh (*mīthāqan ghalīzan*) daripada lelaki yang mengahwini mereka. Perjanjian ini dizahirkan melalui akad nikah. Mereka berdua adalah orang yang berjanji, maka ikatan ini harus dijaga dan dipelihara bersama kerana al-Quran menyebutnya “ikatan yang kuat” sebagai peringatan bahawa ia mesti terus dikukuhkan bersama sepanjang kehidupan berumah tangga.

Sedangkan menurut Imam al-Suyuti, *mīthāqan ghalīzan* bermaksud perjanjian kuat yang Allah perintahkan untuk mempertahankan wanita sebagai isteri secara baik atau menceraikannya secara baik. Ini bertepatan dengan pendapat Imam Yahya Farra yang mentafsirkan perkataan “*mīthāqan ghalīzan*” dalam kitab Ma’ānī al-Qur’an dengan potongan ayat yang lain “*fa imsākun bi ma’rūfin aw tasrīhun bi ihsān*” (surah al - Baqarah (2):229). Maksudnya, ikatan

yang kukuh yang dimaksudkan itu adalah amanah daripada Allah swt kepada suami isteri untuk komited mengurus rumah tangga dengan prinsip “baik bersama atau berpisah”.

Kesimpulan dari beberapa pendapat yang dipaparkan, pengkaji bersetuju dengan metode mubādalah bahawa akad adalah janji dan komitmen timbal balik, ia berlaku kepada dua pihak iaitu lelaki dan wanita. Ia mesti dijaga, diingati dan dipupuk bersama. Seseorang tidak boleh diminta untuk menjaga ikatan perkahwinan, manakala satu lagi tidak peduli. Bukan isteri sahaja yang berusaha melayan suami dan menjaga diri demi kestabilan rumah tangga sedangkan suaminya tidak peduli dan tidak melakukan apa-apa demi mengekalkan ikatan dan begitu juga sebaliknya. Kedua-duanya mesti bersama-sama berusaha mengekalkan perhubungan (Kodir, Faqihuddin Abdul, 2021).

Hubungan Perkahwinan Adalah Berpasangan

أَحَلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفَثُ إِلَىٰ نِسَائِكُمْ هُنَّ لِبَاسٍ لَّكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٍ لَّهُنَّ عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَخْتَانُونَ أَنْفُسَكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ وَعَفَا عَنْكُمْ ۗ ۱۸۷

Terjemahan : Dihalalkan bagi kamu, pada malam hari puasa, bercampur (bersetubuh) dengan isteri-isteri kamu. Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahawasanya kamu mengkhianati diri sendiri, lalu Ia menerima taubat kamu dan memaafkan kamu.

(al-Baqarah (2):187)

Dalam ayat ini, dinyatakan bahawa “mereka (para isteri) adalah pakaian bagi kalian dan kalian adalah pakaian bagi mereka (para isteri).” Terjemahan ini (mereka-kalian) sudah tentu adalah makna literal dari ayat al-Quran yang menggunakan struktur lelaki (*mudhakkar*) dan merujuk kepada lelaki. Namun, jika ditafsirkan dari sudut mubādalah terjemahannya ialah “isteri adalah pakaian suami dan suami adalah pakaian isteri”. Perkara yang sama mengenai kewajipan berpuasa dalam ayat tersebut, tidak hanya berlaku kepada lelaki, tetapi juga kepada wanita. Syariat i’tikaf di masjid juga disyariatkan bagi lelaki dan wanita dan mereka dilarang melakukan hubungan intim ketika melakukan i’tikaf. Begitu juga dengan perihal hak kenikmatan seksual dari pasangan yang ditegaskan di awal ayat, seorang wanita mempunyai hak terhadap suaminya, sebagaimana lelaki mempunyai hak ke atas isterinya (Kodir, Faqihuddin Abdul, 2021).

Berdasarkan pencarian pengkaji, belum ditemui mana-mana tafsir muktabar yang membahaskan berkenaan penggunaan struktur ayat bahasa arab secara terperinci dalam mentafsir surah al-Baqarah ayat 187. Pengkaji hanya menemui pentafsiran ulama’ muktabar yang berfokus kepada ayat-ayat hukum.

Menurut DFAK di dalam buku Qirā’ah Mubādalah, ungkapan هُنَّ لِبَاسٍ لَّكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٍ لَّهُنَّ sekali tidak terdapat dalam definisi nikah yang diformulasikan oleh seluruh ulama’ fiqh. Ini menunjukkan betapa kuatnya pengaruh realiti lampau terhadap kesedaran para ulama’ fiqh dalam memformulasikan definisi pernikahan (Kodir, Faqihuddin Abdul, 2021). Jika dilihat kepada metode mubādalah yang bersifat universal dan timbal balik dalam memahami ayat di atas, pengkaji boleh menyimpulkan bahawa makna literal dari ayat al-Quran yang menggunakan struktur lelaki (*mudhakkar*) boleh merujuk kepada lelaki dan juga wanita. Hal

ini kerana, dalam ilmu bahasa arab, struktur lelaki (*mudhakkar*) dalam kalimah juga boleh mencakupi lelaki dan wanita.

Bergaul Dengan Baik (*Mu'āsyarah Bil Ma'rūf*)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَجِلْ لَكُمْ أَنْ تَرِثُوا النِّسَاءَ كَرَاهًا وَلَا تَعْضَلُوهُنَّ لِتَذْهَبُوا بِبَعْضِ مَا
ءَاتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَحِشَةٍ مُّبِينَةٍ وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Terjemahan : Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik

.(al-Nisā' (4):19)

Menurut DFAK, kalimah وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ bermaksud “saling memperlakukan satu sama lain dengan baik, suami kepada isteri dan isteri kepada suami”. Jika terjemahan literal kalimah ini ialah “perlakukan (wahai suami) isterimu dengan baik”, maka terjemahan timbal baliknya ialah “perlakukan pasangan kamu dengan baik”. Terjemahan kedua adalah lebih merangkumi kedua-dua *gender* dan membawa maksud timbal balik serta kesamarataan. Berbanding dengan yang pertama, terjemahan kedua sebenarnya lebih tepat apabila merujuk kepada bentuk kalimah kesalingan (*mufa'alah*). Ayat ini tidak hanya merujuk kepada lelaki untuk melayan isteri dengan baik, tetapi ia juga merujuk kepada isteri untuk melayan suami dengan baik (Kodir, Faqihuddin Abdul, 2019)

M.Quraish Shihab, Imam as-Suyuthi dan Ibnu Kathir juga mentafsir sedemikian. Hal ini turut disebutkan di dalam hadith Nabi ﷺ:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ : " خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ، وَأَنَا خَيْرُكُمْ
لِأَهْلِي."

Terjemahan : Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik perlakuan kalian kepada isterinya, sedangkan aku adalah orang yang paling baik kepada isteriku di antara kalian

(Ibn Majah, 2013).

Melihat kepada perbandingan pentafsiran ulama' muktabar dan metode mubādalah dalam memaknai kalimah وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ, pengkaji berpendapat bahawa penggunaan metode mubādalah kurang sesuai diaplikasikan pada ayat ini kerana tidak selari dengan majoriti pentafsiran ulama' muktabar.

Bermusyawarah Dan Bertukar Pendapat

فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مِّنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرْضِعُوا
أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ أَنَّ اللَّهَ بِمَا
تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ٢٣٣

Terjemahan : Kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusunan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan .(Al-Baqarah (2):233)

فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَارْضَعْنَ لَهُنَّ وَأُمَّرُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ وَإِنْ تَعَاسَرْتُمْ فَسْتَزِصُّعْ لَهُ
الْأُخْرَى ٦

Terjemahan : Dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya; kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; dan berundinglah di antara kamu (dalam hal menyusunya) dengan cara yang baik. Dan (sebaliknya) jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya. (al-Talaq (65):6)

Menurut DFAK, kedua-dua ayat tersebut membicarakan tentang kepentingan bermusyawarah antara suami isteri atau ayah dan ibu. Isu cerai susu anak hanya sebagai contoh yang menunjukkan dalam urusan rumah tangga perlu membincangkan apa-apa isu bersama antara suami isteri (Kodir, Faqihuddin Abdul 2019). Hal ini dilihat selari dengan pentafsiran ulama' muktabar antaranya M.Quraish Shihab, Imam as-Suyuthi dan Ibnu Kathir. Adapun di sisi Dr Hikmat Basyir mentafsirkan *بِمَعْرُوفٍ* sebagai 'berikanlah perintah satu sama lain dengan cara yang baik, toleransi, dan berkelapangan hati' (Risalah Muslim, 2023). Walaupun pentafsiran beliau sedikit berbeza dengan ulama' lain namun bagi pengkaji konsepnya adalah sama.

Kesimpulan

Dalam membicarakan pelbagai topik dalam buku beliau, DFAK menganalisis teks dengan melihat kepada faktor sosial dan faktor bahasa. Hal ini turut ditegaskan sendiri oleh penulis di dalam bukunya yang berjudul *Qirā'ah Mubādalah*. Selain dua faktor ini, pengkaji melihat penulis turut memperhatikan sejarah yang berkaitan dengan sesuatu isu, sains dan pentafsiran ulama' lain. Sejarah yang diperhatikan di sini ialah hadis Nabi ﷺ. Hal ini dapat dilihat seperti dalam perbincangan mengenai 'wanita tercipta daripada tulang rusuk lelaki', DFAK mendatangkan perbincangan ulama', hadith yang berkaitan dan sedikit perbincangan biologi.

Kemudian beliau mengembangkan pentafsiran atau re-aktualisasi sambil tetap memperhatikan kesinambungan "makna baru" ini dengan makna asal dari teks ayat dan hadith. Berdasarkan penjelasan di atas, menunjukkan bahawa DFAK telah membuat perkembangan yang melebihi para ulama' terdahulu. Kebanyakan ulama' belum berfikir seperti yang beliau fikirkan dan belum memperhatikan aspek lain selain teks atau nas. Pengkaji melihat bahawa re-aktualisasi dalam pentafsiran teks DFAK berlaku kerana dua sebab iaitu bias dalam cara melakukan tafsir dan *bias* dalam pentakrifan fiqh klasik

Oleh yang demikian, secara keseluruhannya pengkaji memerhati bahawa DFAK didapati adakalanya tidak mengemukakan tafsiran yang tepat walaupun menggunakan metode *Qirā'ah*

Mubādalāh. Usaha yang dilakukan oleh DFAK ini dari suatu sudut wajar diraikan sebagai bentuk inovasi daripada beliau untuk membantu dan mengangkat martabat kaum wanita, namun perlu diteliti dengan lebih lanjut agar tidak menonjolkan ‘kekuasaan’ wanita mengatasi lelaki sehingga melampaui parameter yang digariskan oleh Islam mengenai kepemimpinan lelaki ke atas wanita. Beliau menyedari keperluan untuk memperkemaskan syiar Islam berkaitan wanita, agar wanita Islam moden dapat mengikuti syiar Islam dengan lebih selesa. Namun kesedaran tersebut tidak boleh sehingga memaksa pentafsiran ayat tunduk kepada kehendak citarasa wanita yang membawa kepada penyuburan doktrin feminisme.

Rujukan

- Abd bin Nuh dan Oemar Bakry. (1991). *Kamus Arab Indonesia Inggeris*. Jakarta: Mutiara Sumber Widya.
- Abu al-Fida Ismail Ibn Kathir. (2003). *Tafsir Ibn Kathir*. t.t.p: Maktabah Darussalam.
- Ahmad al-Hamlawi (2009). *Shadh al-‘Urf fi Fanni al-Sarf*. Beirut: Maktabah al-‘Asriyyah.
- Al-‘Asqalani, Ahmad bin'Ali Hajar. (1993). *Fath Al-bari Bi-syarah Sahih al-Bukhari*. t.t.p: Dar al-Fikr.
- Bukhārī, Muḥammad bin Ismāīl Abū ‘Abdullah al-Bukhārī al-Ju’fī. (2011). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Muhammad Zuhayr bin Nāṣir al-Nāṣir. Beirut: Dār al-Ṭūq al-Najāh.
- Hakim, Lukman. (2020). "Corak Feminisme Post-Modernis Dalam Penafsiran Faqihuddin Abdul Kodir." *Jurnal Studi Ilmu-ilmu Al-Qur'an dan Hadis*. 21. No. 1 (2020): 237-259.
- Kamus Dewan*. (2005). Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kodir, Faqihuddin Abdul. (2019). *Qira'ah mubadalāh*. IRCiSoD.
- Kodir, Faqihuddin Abdul. (2021). "Perempuan (Bukan) Sumber Fitnah." *Mengaji Ulang Hadis dengan Metode Mubadalāh*. Bandung: Afkaruna.
- Kodir, Faqihuddin Abdul, Siti Ruhaini Dzuhayatin, and Moch Nur Ichwan. (2015). "Interpretation of Hadith for Equality between Women and Men: Reading Ṭaḥrīr al-Mar'a fī Aṣr al-Risāla by ‘Abd al-Ḥalīm Muḥammad Abū Shuqqa (1924-1995)".
- Muḥammad bin Yāzid bin Mājāh. (2013). *Sunan Ibnu Mājāh*. Beirut: Dār ar-Risālah.
- Muhammad Nawawi Al-Jawi al-Bantani. (2006). *al-Tafsīr al-Munīr li Ma’ālim at-Tanzīl*, Beirut: Darul-Fikr.
- Muhammad bin Mukrim Ibn Manzur. (1987). *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar Sādir.
- Muhammad Quraish Shihab. (2006). *Tafsir Al-Mishbah*. Jakarta: Lentera Hati.
- Ridwan, Nur Khalik. "Faqihuddin Abdul Kodir, Tokoh Muda NU Penggerak Majlis Mubadalāh yang Mendunia." *Bangkit Media*. Com 19 (2019), laman se[Ⓜ]ang Google, diakses 12 Disember 2022, <http://fenomena.uinkhas.ac.id/index.php/fenomena/article/download/126/75>
- Risalah Muslim, "Surah-Surah al-Quran," laman se[Ⓜ]ang Google, diakses 22 Januari 2023, <https://risalahmuslim.id/quran/>
- Sāḥih Muslim, Abū al-Husayn Muslim al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naisāburi. (1991). *Sāḥih Muslim*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Syeikh Muhammad Abduh. (2017). *Tafsir al-Manar*. Mesir: Dar al-Manar.
- Umar Mukhtar Mohd Noor, "Irsyad Al-Hadith Siri Ke-33: Hadis Penciptaan Hawa Daripada Tulang Rusuk", laman se[Ⓜ]ang Mufti Wilayah Persekutuan, diakses 22 Januari 2023, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-al-hadith/1518-irsyad-al-hadith-siri-ke-33-hadis-penciptaan-hawa>
- Wadud, Amina. (1999). *Qur'an and woman: Rereading the sacred text from a woman's perspective*. USA: Oxford University Press.
- Wahyudin, Dede. (2015). "Tafsir Ayat Misoginis"

Zakiyah, Ulfah. (2020). Posisi Pemikiran Feminis Faqihuddin Dalam Peta Studi Islam Kontemporer." *The International Journal of Pegon: Islam Nusantara Civilization*.